

PM bimbang politik kebencian makin menebal

Anwar tegaskan tidak akan berundur biarpun berdepan kritikan, kecaman

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim melahirkan kebimbangannya dengan persekitaran politik kebencian yang semakin menebal di negara ini sehingga fakta tidak dipedulikan sama sekali.

Perdana Menteri berkata, apa sahaja yang dilakukan kerajaan termasuk membuat dasar akan dikritik dan dikecam habis-habisan.

“Tidak mudah dalam negara ini kerana politik kebencian terlalu menebal, tak ambil gaji dihina, banteras rasuah dengan tegas pun dihina, baik dengan Hamas pun dihina, dengan Blackrock pun dia kata ejen Yahudi, fakta tidak dipedulikan sama sekali.

“Jadi yang diutarakan ialah kebencian, apakah ini harus mengganggu kita? Tidak,” katanya ketika menyampaikan amanat pada

Majlis Perhimpunan Bulanan bersama warga Kementerian Keuangan, di sini, semalam.

Mengambil contoh kerajaan memerangi rasuah, Anwar berkata, usaha itu dilihat tidak mendapat sokongan segelintir pihak, termasuk Ahli Parlimen pembangkang.

“Yang mengecam tindakan rasuah ini ramai padahal semua tahu ada sesetengah kes itu, puluhan tahun orang tahu, kumpul wang berbilion dalam negara, di luar negara, tiada siapa berani sentuh.

“Apabila kita sentuh, tidak ada yang sokong kerana pengaruh dan dananya yang begitu luas. Saudara, saya tidak ada pilihan, kita pegang amanah, untuk kita pastikan hasil negara ini berkembang,” katanya.

Justeru, Anwar menegaskan beliau tidak akan sesekali berundur daripada menjalankan amanah biarpun berdepan kritikan dan kecaman.

Kukuhkan ekonomi negara

Memberi contoh apa yang dihadapinya dalam melaksanakan penyasaran subsidi serta memerangi rasuah dengan tegas, Perdana Menteri berkata, usaha itu penting bagi mengukuhkan asas ekonomi selepas hasil negara tiris, disakau dan dicuri.

“(Kita) tak boleh mengetepikan

keresahan rakyat kalau terbeban masalah rakyat. Maka hasil yang diperoleh itu harus dipulangkan kepada rakyat.

“Sebab itu, kita harus istiqamah untuk memberi penjelasan walaupun kadang-kadang menghadapi sedikit kesukaran,” katanya

Perdana Menteri turut menjelaskan, masih ada masalah asas di beberapa negeri yang belum selesai seperti isu air di Kelantan, Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Sabah.

Anwar mengambil contoh pembangunan Taman Perindustrian Bersepadu Hijau Kerian (KIGIP) yang memerlukan sumber air dan keperluan menyediakan kemudahan pemuliharaan Sungai Perak yang baik.

“Apakah saya boleh lengahkan? Tak boleh, ini hal mendesak bagi rakyat. Berapa jumlah diperlukan? Untuk KGIP, RM4 bilion keseluruhannya. Arahan saya (pembangunan) harus mula tahun ini, tak mahu tangguh.

“Hal menyentuh masalah asas rakyat mesti diselesaikan. Prasarana di Kedah, kawasan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda), kita perlu pengeluaran padi lebih tinggi untuk keperluan sekuriti makanan negara. Unjuran awal (kos) diperlukan RM3 bilion, terkini RM5 bilion,” katanya.